

07/04/2004

Pemenang kategori pembaca dipilih

SELEPAS 23 hari berakhirnya acara hiburan berprestij, Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABP-BH 2003) yang berlangsung di Arena Of Stars Genting Highlands, akhirnya pemenang bagi kategori pembaca yang membuat undian kini sudah diketahui.

Jika pemenang kategori artis yang bertanding dalam ABP-BH 2003 sudah terjawab pada malam 14 Mac lalu, hari ini penganjur mengumumkan secara rasmi siapa pula yang menang bagi kategori pembaca iaitu mereka yang mengundi dan menyediakan slogan menerusi borang undian yang sampai kepada penganjur.

Petang kelmarin, panel pemilih pemenang pembaca ABP-BH 2003 membuat pemilihan rasmi bagi menentukan siapa pemenang yang layak meraih hadiah disediakan termasuk hadiah utama, kereta Chevrolet Aveo 1.5 (Auto) sumbangan Hicomobil yang bernilai RM68,000.

Panel pemilih yang diketuai Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Hishamuddin Aun mengambil masa lebih dua jam untuk menentukan siapa pemenang utama dan lebih 70 pemenang lain menerusi 109 borang undian yang layak ke peringkat akhir.

Panel pemilih itu turut disertai Pengarang Hiburan Berita Harian (BH), Hanizam Abdullah; Pengarang Wanita & Keluarga BH, Rashidah Md Dahan; Ketua Unit I-Kon BH, Roslen Fadzil dan Wartawan Hiburan BH, Akmal Abdullah.

Pada peringkat saringan, semua borang yang diterima penganjur dan layak menyertai undian untuk ABP-BH 2003 sudah diteliti selama dua minggu. Namun, hanya 109 borang undian yang layak ke peringkat akhir kerana menyajikan slogan memuaskan bersama maksud berkesan sejajar penganjuran acara anugerah itu.

Hadiah utama dimenangi seorang bekas operator pengeluaran kilang dari Jalan Buluh Kasap, Segamat, Johor, Mohd Hata Adon, 40, yang meraih Chevrolet Aveo 1.5 (Auto) dengan slogannya dianggap terbaik iaitu; "Kemeriahannya dirasai, penganjurannya dikagumi, reputasinya disegani, mengangkat martabat insan seni."

Mohd Hata yang masih berstatus bujang ketika dihubungi semalam, mengakui terkejut dan bagaikan tidak percaya apabila dimaklumkan mengenai kemenangannya itu sambil mengucap syukur beberapa kali.

"Rasanya ini berkat kerana saya sedang menunggu kerja baru selepas berhenti kerja di kilang papan lapis di Segamat kerana masalah kesihatan. Saya bercadang untuk bekerja dengan abang saya di Johor Bahru sebagai pembekal ikan. Dalam menunggu kerja baru, tidak sangka datang rezeki lain, dapat kereta pula...alhamdulillah.

"Selama ini saya tidak pernah ada kereta sendiri, hanya memiliki motorsikal. Saya menghantar lapan borang undian. Saya memang suka sertai peraduan dan peraduan pembaca ABP-BH saya serta sejak 1990 lagi... tidak pernah menang pun sebelum ini. Tetapi saya pernah menang kuiz penonton di rumah sempena Anugerah Skrin TV3 pada 1996 dan kuiz Cabaran Tariking F&N pada 2002.

"Kali ini, menerusi Berita Harian, barulah saya menang hadiah paling lumayan sebab sebelum ini tidak pernah dapat kereta," katanya yang mengakui bagaikan tidak mempercayai dengan berita kemenangan itu selagi namanya tidak disiarkan dalam Berita Harian.

Sempena ABP-BH 2003, kali ini penganjur menetapkan hanya slogan yang dianggap terbaik dipilih sebagai pemenang tanpa mengambil kira undian yang dibuat sama ada tepat atau tersasar dengan keputusan dalam acara anugerah

itu. Malahan, borang undian daripada Mohd Hata tidak memilih Saiful Apek sebagai Bintang Paling Popular 2003 kerana dia meletakkan nama artis lain tetapi slogan yang diberinya memuaskan hati panel pemilih.

Tempat kedua dimenangi seorang pegawai tadbir, Musa Dun, 40, dari Taman Sri Rapat, Ipoh, Perak. Beliau meraih hadiah barangan kemas berupa set rantai leher dan cincin Pink Sapphire sumbangan Habib yang bernilai RM26,000.

Manakala tempat ketiga dimenangi eksekutif, Abdul Saman Taip, 28, dari Vista Angkasa, Bukit Kerinchi, Kuala Lumpur, yang membawa pulang televisyen Skrin Rata JVC 29".

#### SENARAI PENUH PEMENANG KATEGORI PEMBACA ABP-BH 2003

##### HADIAH UTAMA

- KERETA CHEVROLET AVEO 1.5 (AUTO)

1. Mohd Hata Adon (640504-01-6395)

##### HADIAH KEDUA

- BARANGAN KEMAS HABIB (RM26,000)

1. Musa Dun (640509-08-5859)

##### HADIAH KETIGA

- CTV SKRIN RATA 29" JVC

1. Abdul Saman Taip (760323-12-5599)

##### HADIAH KEEMPAT

- PEMAIN 10 CD DALAM KERETA JVC

1. Ayu Melati Mat Rejab (731217-02-5268)

2. Wan Nazrudean Wan Mohd Noor (820922-01-5043)

3. Wan Shahira Wan Ahmad Zaiki (791022-14-5344)

4. Norhasneeda Hamdan (860721-59-5578)

5. Sabariah Bahari (710324-10-5682)

##### HADIAH KELIMA

- PEMAIN DVD JVC

1. Sharifah Khalijah Said Hussain (791011-08-5104)

2. Syariza Abdul Rahman (790823-09-5020)

3. Supindi Usop @ Yusop (781217-12-5171)

4. Mohammad Asrul Mingon (791212-10-5503)

5. Hisyamuddin Ismail (740425-08-5825)

6. Abdul Rashid Hassan (601209-04-5239)

7. Kamaruzzaman Yusof (680504-08-5813)

8. Mohd Nazri Azman

9. Mazura Abdul Razak

10. Rabiah Abu

##### HADIAH KEENAM

- TIKET PENERBANGAN DOMESTIK AIR ASIA

1. Nur Azreena Zainal (800813-01-6372)

2. Mohd Hafiz Mohd Sarmin (730625-01-6243)

3. Rohaidawati Abdul Rahman (741011-01-5100)

4. Azlan Abdul Rahman (850121-07-5799)

5. Suriah Kasdar (680507-01-5108)

6. Mohamad Hatta Ramli (690507-10-6551)

7. Mohd Roslan Asha'ari (730522-11-5337)

8. Eszwan Eszqqaurnder Rahman (810416-07-5677)

9. Zamzam Jaafar (670511-01-5603)

10. Rohaya Ismail (630206-03-5214)

11. Noorazari Mohamad (630213-10-7087)

12. Rohayati Daud (810823-06-5038)

13. Anuar Mat (750503-03-5815)

14. Roziyah Said (750406-02-6212)

15. Nor Azwin Adzmi (800605-03-5202)

##### HADIAH KETUJUJUH

- PAKEJ PERCUTIAN A FAMOSA

1. Nurul `Aishah Zakaria (810601-01-5238)
2. Mohd Zuraihi Ramli (780507-04-5153)
3. Azlan Abdul Aziz (701224-04-5243)
4. Mohd Hafiz Abu Samah (700706-10-6585)
5. Mohd Sazazain Abdul Aziz (760101-01-5503)
6. Roslin Rashid (770610-06-5890)
7. Abdul Rahman Ali
8. Ahmad Shamshul Ahmad (720526-01-5123)
9. Wong Loong Kit (800111-14-5567)
10. Sharuddin Adnan (711202-05-5095)

HADIAH KELAPAN

- PEMAIN CD/KASET MUDAH-ALIH JVC

1. Azwan Hairani Mohamad Zaki (830802-14-5053)
2. Abdul Rashid Md Nor (661008-08-6207)
3. Mahathir Mokhtar (770412-10-5943)
4. Abu Bakar Mat Som (701023-08-6663)
5. Zulaila Razali (650914-03-5096)
6. Rahmah Basiron (630110-01-5120)
7. Saliza Amad (790915-10-5740)
8. Hamidah Baharudin (650430-10-62220)
9. Suffian Hadie Jailani (840414-01-5539)
10. Rosmizan Abu Bakar (630416-08-5498)

HADIAH SAGUHATI

- HEADPHONE DIGITAL KULIT JVC

1. Jamaliah Abdul Jalil (530723-05-5354)
2. Mohd Najib Che Pa (810116-10-5811)
3. Ahzan Bakrin (671228-12-5123)
4. Dawood Lahu (440524-01-5019)
5. Nor Amiza Mahir (880913-23-5882)
6. Rozilawati Mamat (780509-11-5274)
7. Hamizon Aziz (730609-02-5078)
8. Noor Azlila Mohammed Ali (790115-03-5510)
9. Jamaliah Abdul Rashid (690220-01-5732)
10. Shafie Sulaiman (730123-11-5209)
11. Zuhaimi Abdul Wahab (820212-03-5285)
12. Syazana Mahmud (881116-02-5780)
13. Yusharizal Osman (760630-03-5083)
14. Siti Ishah Sarif (640209-02-5782)
15. Azlaneza Omar (720407-01-6182)
16. Faizzuddin Izham (790122-02-5273)
17. Khairul Anuar Menhat (820404-01-5959)
18. Badrul Hisham Noh (810505-06-5497)
19. Rahmad Md Diah (T1084480)
20. Marizainee Mat Hussin (730711-03-5766)
21. Roshdin PR Rahmatullah (720428-05-5017)
22. Sahidin Abdul Majid (770112-12-5931)
23. Ahmad Rezul Abdul Razak (790531-06-5575)
24. Fariza Firdaus Mohd Salleh (770702-01-5858)
25. Noor Hisham Jalil (731114-08-6367)
26. Nik Salmizaini Sabudin (770908-03-5926)
27. Nooryati Kamarudin (600327-02-5672)
28. Ramlah Omar (730420-06-5412)
29. Mohd Lutfil Hakim Muhammad Danil (820403-08-5795)
30. Afiza Mohamed Azmi (RF/129817)